



SIARAN AKHBAR

BRUNEI DARUSSALAM MENCAPAI KEDUDUKAN KE-12 DALAM ISLAMIC FINANCE DEVELOPMENT INDICATORS 2022

1. Negara Brunei Darussalam telah mengekalkan kedudukan di tangga ke-12 daripada 136 buah negara selama dua tahun berturut-turut seperti yang dilaporkan dalam ICD-Refinitiv Islamic Finance Development Report 2022: Embracing Change. Mengambil kira maklumat data dan statistik secara keseluruhan bagi tahun 2021, laporan ini telah menunjukkan Negara Brunei Darussalam telah mencapai 31 mata dalam Islamic Finance Development Indicator (IFDI). Nilai mata secara purata bagi IFDI global telah menurun kepada 9.0 mata pada tahun 2022 berbanding dengan 11.0 mata pada tahun 2021.
2. Laporan ini menunjukkan bahawa industri kewangan Islam global telah membuat pencapaian pada tahun 2021 dengan mengekalkan pertumbuhan dua angka dalam jumlah keseluruhan aset sebanyak 17% tahun-ke-tahun kepada USD4 trilion berikutan pemulihan ekonomi global daripada kesan COVID-19. Laporan tersebut juga menganggarkan jumlah keseluruhan aset industri kewangan Islam global akan meningkat kepada USD5.9 trilion menjelang tahun 2026, berikutan perkembangan dalam industri perbankan Islam serta pasaran sukuk. Secara keseluruhan, perbankan Islam merangkumi 70% daripada jumlah aset kewangan Islam pada tahun 2021; diikuti oleh sukuk (18%); dana-dana patuh Syariah (6%); Institusi Kewangan Islam Lain (*Other Islamic Financial Institutions – OIFI*) (4%); dan takaful (2%).
3. Laporan tersebut juga menyenaraikan kedudukan IFDI bagi beberapa industri kewangan Islam yang terkemuka di mana IFDI pada tahun ini adalah berasaskan model yang telah dikemaskini, mengambil kira metrik baru berkaitan dengan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan *Islamic FinTech*, serta perubahan terhadap jumlah bagi setiap penunjuk. Lima penunjuk utama bagi IFDI adalah Prestasi Kewangan (sebelum ini dikenali sebagai Perkembangan Kuantitatif); Tadbir Urus; Kelestarian; Pengetahuan; dan Kesedaran. Menurut laporan ini, Malaysia, Arab Saudi dan Indonesia muncul sebagai tiga pasaran kewangan Islam teratas dalam perkembangan keseluruhan, manakala Bangladesh melonjak kepada kedudukan ke-10 dari kedudukan ke-14 dengan peningkatan yang ketara bagi penunjuk Prestasi Kewangan dan Kesedaran.
4. Negara Brunei Darussalam mengekalkan tempat pertama dalam sub-penunjuk Pengawalseliaan di bawah penunjuk Tadbir Urus, yang diukur menggunakan pengawalseliaan dalam perbankan Islam; perakaunan khusus; tadbir urus Syariah; takaful; sukuk; dana-dana patuh Syariah; dan FinTech *sandbox*. Di samping itu, Negara Brunei Darussalam juga telah meraih tempat ke-4 bagi sub-penunjuk Acara di bawah penunjuk Kesedaran, dan tempat ke-5 bagi sub-penunjuk Penyelidikan di bawah penunjuk Pengetahuan.
5. Bagi penunjuk Prestasi Kewangan, Negara Brunei Darussalam telah mencapai kedudukan ke-8 dalam aset OIFI dengan nilai sebanyak USD2 bilion yang merangkumi aset-aset dari syarikat-syarikat FinTech, pelaburan, kewangan, penyewaan dan kewangan mikro.
6. Laporan penuh ICD-Refinitiv Islamic Finance Development Report 2022: Embracing Change boleh didapati di laman web Refinitiv di www.refinitiv.com, atau melalui pautan <https://www.refinitiv.com/en/resources/special-report/islamic-finance-development-report-2022>.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 5 Rejab 1444H/ 27 Januari 2023

Ruj: BDCB/COMMS/